



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA DALAM AKTIVITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI MEDIUM KESEPADUAN SOSIAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI AFIFAH BINTI KAMARUZAMAN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA DALAM AKTIVITI
RUKUN TETANGGA SEBAGAI MEDIUM
KESEPADUAN SOSIAL**

SITI AFIFAH BINTI KAMARUZAMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**



**FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 17.....(hari bulan).....06..... (bulan) 20.....25.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI AFIFAH BINTI KAMARUZAMAN M20211002645 (FSK) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA DALAM AKTIVITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI MEDIUM KESEPADUAN SOSIAL

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, KHAIRUL GHUFRAN BIN KASPIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA DALAM AKTIVITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI MEDIUM KESEPADUAN SOSIAL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA (PENGAJIAN MALAYSIA) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

30/09/2025
Tarikh


Tandatangan Penyelia

KHAIRUL GHUFRAN BIN KASPIN
PENYARAH
JABATAN PENGAJIAN MALAYSIA
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA DALAM AKTIVITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI MEDIUM KESEPADUAN SOSIAL

No. Matrik /Matric's No.: M20211002645

Saya / I : SITI AFIFAH BINTI KAMARUZAMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)




(Tandatangan Penyelidik/Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 30/09/2925

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurniaannya kerana berjaya menyiapkan disertasi ini sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Pengajian Malaysia. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya iaitu Encik Khairul Ghufran bin Kaspin yang telah banyak menyumbang ilmu, memberikan nasihat dan panduan, meluangkan masa, dan tenaga sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Saya akan memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang disampaikan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada pensyarah dan staf Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan antaranya Prof. Madya Dr. Samsudin bin Suhaili, Dr. Muhammad Nadzir bin Ibrahim, Dr. Noor Hadzlida binti Ayob, Dr. Norhafiza binti Mohd Hed, Dr. Nurul Firdaus binti Abd Rahman, Dr. Intan Suria binti Hamzah, Dr. Mohd Syarifudin bin Abdullah, dan Dr. Siti Nor Ashiqin binti Nordin yang banyak memberi panduan dan sokongan kepada saya sepanjang tempoh bergelar pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Di kesempatan juga ini izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Tanjong Malim dan penduduk di sekitar Tanjong Malim dan kepada pegawai dan staf Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang banyak memberikan kerjasama dan sokongan dalam kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga tercinta yang amat disayangi iaitu kedua ibu bapa saya Puan Aidaa @ Aida binti Hamzah dan Encik Kamaruzaman bin Musa serta adik beradik iaitu Siti Fitri Afiqah binti Kamaruzaman, Muhammad Fitri Al- Amin bin Kamaruzaman, Muhammad Al-Afif bin Kamaruzaman, Siti Amsyarieny binti Kamaruzaman, Muhammad Al-Ammarhamzah bin Kamaruzaman. Tidak idak lupa serta rakan seperjuangan Pengajian Malaysia yang banyak memberi sokongan moral dan motivasi. Akhir sekali, semoga Allah SWT memberkati kita dan melimpahkan rahmatNya.





ABSTRAK

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah wujud di Malaysia sejak tahun 1975 yang berperanan untuk menjaga keselamatan komuniti setempat. Seiring dengan peredaran masa, peranan KRT juga telah mengalami fasa perubahan iaitu daripada menjamin keselamatan penduduk setempat kepada medium kesepaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu menilai tahap aplikasi prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT, mengukur tahap penghayatan prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT sebagai medium kesepaduan antara etnik dan mengenalpasti tahap penerimaan kesepaduan sosial dalam masyarakat di KRT. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik serta disokong oleh pendekatan kualitatif yang melibatkan sampel kajian seramai 381 orang penduduk KRT di Tanjong Malim, Perak. Kaedah persampelan rawak digunakan berpandukan jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23 dan analisis ANOVA. Melalui analisis deskriptif yang dilakukan, aplikasi Prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT sebagai medium kesepaduan antara etnik berada pada tahap sangat tinggi. Dari sudut tahap penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT sebagai medium kesepaduan antara etnik juga adalah sangat tinggi. Bagi tahap penerimaan kesepaduan sosial dalam masyarakat, ianya dinilai mengikut etnik Melayu, Cina dan India. Hasil dapatan mendapati bahawa secara keseluruhan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan etnik terhadap tahap penerimaan kesepaduan sosial. Kajian ini mendapati bahawa masih wujud kesedaran terhadap kepentingan KRT dalam memupuk kesepaduan etnik di kalangan masyarakat. Pelaksanaan aktiviti KRT telah memberi kesan kepada kesepaduan etnik dalam masyarakat. Implikasi kajian ini adalah menunjukkan KRT dapat menyelaraskan aktiviti sosial berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara dan memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada masyarakat berkaitan kepentingan KRT. Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan aktiviti KRT dapat dilaksanakan secara berterusan, kerjasama daripada semua pihak diperlukan dalam mencapai perpaduan yang diidamkan.





APPRECIATION OF THE PRINCIPLES OF RUKUN NEGARA IN RUKUN TETANGGA AS A MEDIUM OF SOCIAL COHESION

ABSTRACT

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) It has existed in Malaysia since 1975 with the role of ensuring the safety of the local community. Over time, the role of the Rukun Tetangga (KRT) has undergone a phase of transformation—from safeguarding local residents to becoming a medium of social cohesion among multi-ethnic communities. This study has three objectives: to evaluate the level of application of the Rukun Negara principles in KRT activities, to assess the level of appreciation of the Rukun Negara principles in KRT activities as a medium of inter-ethnic cohesion, and to identify the level of acceptance of social cohesion among the community in KRT. This study uses a quantitative approach with the support of a qualitative perspective and employs a questionnaire as the main research instrument, involving a study sample of 381 KRT residents in Tanjong Malim, Perak. A random sampling method was used based on the Sample Size Determination Table by Krejcie and Morgan (1970). Data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 23, including ANOVA analysis. Through the descriptive analysis conducted, the application of the Rukun Negara principles in KRT activities as a medium of inter-ethnic cohesion was found to be at a very high level. In terms of the level of appreciation of the Rukun Negara principles in KRT activities as a medium of inter-ethnic unity, the results also showed a very high level. The level of acceptance of social cohesion within the community was assessed according to the ethnic groups of Malays, Chinese, and Indians. The findings revealed that, overall, there were no significant differences between the ethnic groups in terms of the level of acceptance of social cohesion. This study found that there is still an awareness of the importance of KRT in fostering ethnic cohesion within society. The implementation of KRT activities has had a positive impact on social cohesion among the community. The implication of this study is that KRT is capable of coordinating social activities based on the principles of the Rukun Negara and providing broader exposure to the community on the importance of KRT. Therefore, to ensure the continuous implementation of KRT activities, the cooperation of all parties is needed to achieve the desired national unity.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

SENARAI LAMPIRAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.2.1	Sejarah Terbentuk Rukun Negara	7
1.2.2	KRT Sebagai Alat Perpaduan	13
1.3	Pernyataan Masalah	17
1.4	Objektif Kajian	26
1.5	Persoalan Kajian	26
1.6	Kepentingan Kajian	27
1.7	Batasan Kajian	29
1.8	Definisi Operasional	31

1.8.1	Konsep Penghayatan	31
1.8.2	Konsep Aktiviti	34
1.8.3	Konsep Medium	36
1.8.4	Latar Belakang Kejirana	39
1.8.5	Rukun Tetangga	43
1.8.6	Konsep Kawasan Rukun Tetangga (KRT)	45
1.9	Organisasi Bab	46
1.10	Rumusan	49

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	51
2.2	Kerangka Konseptual	55
2.2.1	Etnik dan Kumpulan Etnik	55
2.2.2	Konsep Perpaduan	58
2.2.3	Konsep Kesepaduan Sosial	61
2.2.4	Badan Kejiranan Di Negara Luar	63
	a) England	64
	b) Jepun	67
	c) Indonesia	70
	d) Singapura	72
2.3	KerangkaTeori	75
2.3.1	Teori Pilihan Rasional	75
2.3.2	Teori Modenisasi	78
2.4	Kajian Empirikal	80

2.4.1	KRT Keperluan Masyarakat Majmuk Malaysia	81
2.4.2	Memupuk Perpaduan Etnik melalui Rukun Negara	84
2.5	Kelompangan Kajian	89
2.6	Rumusan	91
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	93
3.2	Reka Bentuk Kajian	95
3.3	Unit analisis	97
3.4	Populasi Kajian	98
3.5	Persampelan Kajian	100
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	104
3.7	Lokasi Kajian	106
3.8	Instrumen Kajian	109
3.8.1	Soal Selidik	111
	a) Bahagian A : Demografi Responden	113
	b) Bahagian B: Aplikasi Rukun Negara dalam aktiviti KRT	115
	c) Bahagian C: Penghayatan Objektif Rukun Negara	117
	d) Bahagian D: Kesepaduan Sosial di Kawasan Rukun Tetangga	120

3.9	Prosedur Kajian	122
3.9.1	Prosedur Pengumpulan Data Primer	122
3.9.2	Prosedur Pengumpulan Data Sekunder	124
3.10	Kesahan instrumen	126
3.11	Kajian Rintis	127
3.11.1	Kebolehpercayaan Instrumen	128
3.12	Kaedah Mengnalisis Data	130
3.12.1	Kaedah Statistik Deskriptif	131
3.13	Rumusan	135

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	137
4.2	Statistik Deskriptif	140
4.2.1	Profil Responden	141
4.2.2	Menilai Tahap Aplikasi Prinsip Rukun Negara Dalam Aktiviti KRT	148
4.2.3	Mengukur Tahap Penghayatan Prinsip Rukun Negara Dalam Aktiviti KRT Sebagai Medium Kesepaduan Antara Etnik	151
4.2.4	Mengenalpasti Tahap Penerimaan Kesepaduan Sosial Dalam Masyarakat Di Kawasan Rukun Tetangga	157
4.3	Data Tinjauan	161
4.4	Rumusan	163



BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	164
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	166
5.3.1	Aplikasi Rukun Negara Dalam Aktiviti KRT Sebagai Medium Kesepaduan Antara Etnik	167
5.3.2	Penghayatan Prinsip Rukun Negara Sebagai Medium Kesepaduan Antara Etnik	171
5.3.3	Penerimaan Kesepaduan Sosial dalam Masyarakat di Kawasan Rukun Tetangga	174
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	175
5.3.1	Implikasi Kajian terhadap JPNIN	176
5.3.2	Implikasi Kajian terhadap KRT	177
5.3.3	Implikasi Kajian terhadap Hubungan Dalam Komuniti	179
5.4	Cadangan Kajian	180
5.5	Kesimpulan	184
5.6	Rumusan	185
	RUJUKAN	188
	LAMPIRAN	204



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Pemilihan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	103
3.2	Bilangan Soal Selidik Yang Diterima Mengikut KRT	108
3.3	Skala Likert	112
3.4	Pembahagian Item Dalam Bahagian Maklumat Demografi	113
3.5	Item-Item Mengukur Tahap Aplikasi Rukun Negara	116
3.6	Item-Item Mengukur Tahap Penghayatan Objektif Rukun Negara	118
3.7	Item-item mengukur persetujuan Kesepaduan Sosial di Kawasan Rukun Tetangga	121
3.8	Kandungan Item Dalam Soal Selidik	124
3.9	Analisis Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis	129
3.10	Analisis Statistik Yang Digunakan Berdasarkan Persoalan Kajian	134
4.1	Tafsiran Skala Min	141
4.2	Bilangan Responden Berdasarkan Jantina	142
4.3	Bilangan Responden Berdasarkan Etnik	142
4.4	Bilangan Responden Berdasarkan Agama	143
4.5	Bilangan Responden Berdasarkan Umur	144
4.6	Bilangan Responden Berdasarkan Nama KRT	145

4.7	Skor peratus KRT Terpilih Menjawab Soal Selidik Berdasarkan Etnik	147
4.8	Skor Peratus, Min dan Sisihan piawai Aplikasi Prinsip Rukun Negara Dalam Aktiviti KRT	149
4.9	Skor Peratus Skor Peratus, Min dan Sisihan Penghayatan Prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT	153
4.10	Tahap Penerimaan Kesepaduan Sosial Dalam Masyarakat di Kawasan Rukun Tetangga.Mengikut Kumpulan Etnik	159



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1

Kerangka Konseptual Kajian

54





SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
LPM	Parti Buruh Malaya
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
NCs	Neighbourhood Committees
RCs	Residents' Committees
RT	Rukun Tetangga
RW	Rukun Warga
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakauan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Surat Sokongan Penyelia
- E Surat Persetujuan Menjadi Responden
- F Catatan Tinjauan
- G Borang Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan negara yang didiami oleh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama dan budaya. Kepelbagaian struktur sosial ini mencerminkan pelbagai persimpangan identiti yang dimiliki dalam menyumbang kepada tradisi, kepercayaan, dan perspektif yang kaya dalam membentuk identiti kolektif. Tuan Sidek (2021) menyatakan bahawa kepelbagaian ini memperkukuhkan imej Malaysia sebagai negara yang unik. Rakyat tetap hidup aman dan harmoni sejak kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957 dan pembentukan Malaysia pada 1963. Penggabungan tiga wilayah iaitu penggabungan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Wilayah Sabah dan Sarawak merupakan asas utama dalam pembentukan negara Malaysia. Penggabungan ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuhkan





kerjasama ekonomi dan menyekat peluasan ideologi komunis, malah untuk memastikan keseimbangan komposisi etnik (Ilyas, 2021). Pertambahan masyarakat majmuk dengan identiti yang berbeza dari segi etnik, budaya, agama dan adat resam yang diikat atas persetujuan kontrak sosial untuk hidup dalam satu unit politik yang sama berlaku kerana penggabungan tersebut (Kementerian Perpaduan Negara [KPN], 2023). Terdapat tiga etnik utama yang hidup berdampingan dan berkongsi ruang yang sama di Semenanjung Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Manakala di Sabah dan Sarawak didiami oleh etnik Kadazan Dusun, Bajau, Iban, Bidayuh dan banyak lagi. Kepelbagaian etnik ini mewujudkan masyarakat majmuk dengan amalan dan gaya hidup berbeza (Jeniri, 2015). Menurut Anwar (2023), sikap saling hormat menghormati terhadap perbezaan daripada aspek kepercayaan dan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat lain merupakan asas kepada keamanan dalam masyarakat majmuk.

Perbezaan ini tidak menjadi penghalang kepada keharmonian masyarakat sejagat malah secara tidak langsung mewujudkan masyarakat majmuk yang hidup bersama. Sikap yang positif ini telah menjadi asas kepada kehidupan masyarakat majmuk sejak sekian lama lagi. Amalan hormat menghormati dalam kelompok masyarakat juga dapat menjadikan masyarakat untuk saling bertolak ansur antara satu sama lain terhadap perbezaan kefahaman masing masing.

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, perpaduan dan persefahaman antara etnik harus dipupuk supaya perbezaan yang dimiliki oleh setiap etnik seperti kepercayaan, budaya dan bahasa dapat difahami bersama. Kemakmuran sesebuah negara boleh dicapai sekiranya wujud masyarakat yang sentiasa bertolak ansur dan boleh memahami antara satu sama lain (Samsudin, 2011). Perbezaan yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat ini perlu dihormati dan diterima. Sekiranya





perbezaan ini dibiarkan maka, ianya akan menjadi toksik dalam keharmonian negara dan menjadi penghalang kepada matlamat negara. Objektif utama Malaysia adalah untuk mewujudkan masyarakat yang maju, berwibawa dan inklusif serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampan, makmur, kreatif, hormat menghormati dan bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain (KPN, 2023). Matlamat ini dapat direalisasikan melalui dasar yang telah dibentuk untuk memupuk perpaduan dan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat. Perpaduan dan kesepaduan sosial merupakan prasyarat penting dalam memastikan masyarakat berada dalam keadaan yang stabil dan bebas daripada sebarang konflik terutama konflik perkauman. Konflik perkauman boleh mencetuskan pelbagai kesan negatif dari segi perpaduan, keselamatan dan ekonomi seterusnya akan menjejaskan kestabilan negara.



Sebagai sebuah negara majmuk, kesejahteraan masyarakat merupakan aspek yang penting bagi memastikan kemakmuran negara terjaga. Hal ini kerana kestabilan negara turut dipengaruhi oleh keadaan masyarakat di negara tersebut. Organisasi seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan masyarakat sentiasa mempamerkan hubungan interpersonal yang lebih kukuh dan perpaduan sosial yang lebih erat. Melalui kepercayaan dan kerjasama dalam kalangan penduduk, konflik antara etnik dapat dielakkan daripada terus berlaku. Oleh itu, peranan KRT dalam komuniti adalah amat penting dan perlu diberikan keutamaan.

Sehubungan dengan itu kajian ini ingin melihat bagaimana jentera perpaduan iaitu KRT memainkan peranannya dalam memupuk semangat perpaduan serta tahap aplikasi dan penghayatan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik berlandaskan Prinsip Rukun Negara. Sekiranya KRT tidak melaksanakan peranannya dengan baik,





ketidakharmonian terganggu, dan konflik antara penduduk mungkin akan berlaku. Hal ini kerana, perpaduan sangat penting dalam pembentukan sesebuah negara kerana dapat membina dan mengekalkan keharmonian, kestabilan, dan kesejahteraan masyarakat. Konflik dan risiko yang tercetus antara kumpulan etnik dapat dielakkan daripada terus berlaku sekiranya perpaduan dicapai dan dikekalkan. Oleh itu, perpaduan merupakan suatu aspek yang kritikal yang perlu dikaji dan difahami.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara berbilang etnik yang terdiri daripada beberapa kumpulan etnik yang berbeza. Berdasarkan perkembangan semasa dalam tempoh 6 dekad sejak kemerdekaan, pertambahan dan perubahan komposisi penduduk telah berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya faktor migrasi yang menyebabkan individu berhijrah dari satu kawasan ke kawasan yang lain kerana terdapat peluang pekerjaan yang lebih baik, meningkatkan taraf hidup dan kos sara hidup yang lebih rendah. Penghijrahan ini menyebabkan berlakunya perubahan terhadap struktur dan komposisi penduduk. Penambahan atau pengurangan jumlah penduduk di suatu kawasan akan memberikan kesan kepada ekonomi dan sosial di kawasan tersebut.

Berdasarkan statistik yang dibentangkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2023), komposisi penduduk warganegara menurun daripada 92.4% pada 2022 kepada 91.1% pada 2023. Pada tahun 2023, Bumiputera menyumbang sebanyak 70.1% daripada 30.4 juta Warganegara, dimana ianya berlaku sedikit peningkatan berbanding tahun 2022 yang menyumbang sebanyak 69.9%. Manakala komposisi etnik Cina





menurun kepada 22.6% iaitu berlaku penurunan sebanyak 0.2 % berbanding tahun sebelumnya. Bagi etnik India dan lain-lain masing-masing kekal pada 6.6 % dan 0.7 %. Berdasarkan statistik tersebut, dapat dirumuskan Bumiputera (Melayu, Bumiputera di Sabah dan Sarawak) membentuk kumpulan etnik terbesar di negara ini dan membentuk majoriti di kebanyakan bahagian negara. Etnik Cina merupakan kumpulan etnik kedua terbesar di Malaysia dan diikuti dengan etnik India. Komposisi penduduk yang pelbagai ini dapat mewujudkan populasi rakyat yang lebih majmuk di negara ini.

Kemajmukan yang dimiliki dianggap sebagai suatu rahmat kerana memaparkan kekayaan masyarakat Malaysia dari aspek budaya dan bahasa. Lantaran itu, dari persepsi negara luar, kepelbagaian yang dimiliki oleh negara ini dilabelkan sebagai sesuatu yang unik (Shamsul, 2021). Kepelbagaian ini bukan sahaja sekadar ciri fizikal atau demografi, namun ianya merupakan aspek identiti dan dapat memaparkan keindahan yang dimiliki oleh masyarakat di negara ini. Rakyat Malaysia juga menerima hakikat bahawa Malaysia mempunyai masyarakat yang majmuk dan pelbagai. Setiap kumpulan etnik di Malaysia, mempunyai adat dan budaya masing-masing (KPN, 2023). Masyarakat yang majmuk mampu mewujudkan ruang untuk berinteraksi antara pelbagai kelompok etnik yang membolehkan mereka lebih mendalami dan menghargai gaya hidup etnik yang lain. Pertukaran pengetahuan dan pengalaman ini dapat membentuk masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Dari satu sudut lain menurut Shamsul (2021), kepelbagaian ini dianggap sebagai beban yang besar. Hal ini kerana bagi mewujudkan keharmonian dalam landskap masyarakat yang dicirikan dengan kepelbagaian, bukanlah suatu tugas yang





mudah. Kemajmukan juga sebenarnya boleh membawa kepada kewujudan isu-isu perkauman. Hal ini termasuk ancaman daripada pelbagai aspek iaitu penindasan ekonomi, politik dan sosial, serta isu berkaitan hak asasi manusia. Jika perkara ini tidak diatasi dengan teliti dan berhati-hati, maka akan menjadi penghalang dalam proses untuk membina keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat (Enizahura, 2020). Oleh itu usaha yang berterusan dan holistik dari segi waktu, komitmen, dan kefahaman perlu dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dan masyarakat untuk mengekalkan keharmonian. Keharmonian masyarakat adalah sangat penting kepada keamanan negara.

Malaysia masih dapat mengekalkan keharmonian dan kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat melalui suatu ideologi yang merangkumi nilai bersama iaitu Prinsip Rukun Negara. Penghayatan terhadap Rukun Negara merupakan antara elemen penting untuk mengukuhkan dan memelihara perpaduan. Rukun Negara menekankan penerimaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian dalam masyarakat (KPN, 2023). Oleh itu, walaupun wujud perbezaan dalam kalangan masyarakat dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa, penghayatan terhadap satu ideologi yang sama sangat penting kerana mampu mengukuhkan jati diri dan memupuk semangat kebersamaan. Di samping itu, usaha yang holistik daripada jentera perpaduan seperti KRT sebagai medium penghayatan Rukun Negara adalah sangat diperlukan dalam menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni.

Secara umumnya, pemupukan kesepaduan sosial dalam kelompok masyarakat memerlukan organisasi yang sistematik bagi mencapai sebuah matlamat. Sehubungan dengan itu, KRT dapat dilihat sebagai sebuah organisasi sosial yang paling sesuai untuk





menguruskan masyarakat setempat. Pengurusan masyarakat di bawah sebuah organisasi sosial yang sistematik adalah penting dalam mencapai perpaduan yang diidamkan kerana dengan adanya nilai perpaduan antara masyarakat pelbagai etnik, mereka dapat menikmati kehidupan dalam suasana yang harmoni dan bahagia. Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada penelitian terhadap tahap aplikasi Rukun Negara terhadap aktiviti KRT dan tahap penghayatan Rukun Negara terhadap aktiviti KRT sebagai medium kesepaduan antara etnik serta kesan-kesan aktiviti KRT tersebut kepada kesepaduan etnik dalam masyarakat

1.2.1 Sejarah Terbentuk Rukun Negara

Perluasan pengaruh Inggeris di Tanah Melayu pada abad ke-19 hingga ke-20 telah mengakibatkan berlakunya penghijrahan orang Cina dan India secara besar-besaran ke Tanah Melayu. Meskipun pelbagai kumpulan etnik hidup secara berasingan dan mengekalkan kebudayaan masing-masing, terdapat semangat persefahaman dan keharmonian etnik yang erat. Keharmonian yang berterusan ini telah terbukti apabila mereka berjuang untuk memperoleh kemerdekaan di Tanah Melayu daripada penjajah British pada 31 Ogos 1957 (Shamsul, 2012).

Di bawah dasar pecah dan perintah Kerajaan Kolonial Inggeris, ketiga-tiga kumpulan etnik ini telah dipisahkan dari segi tempat tinggal, pekerjaan dan pendidikan. Kebanyakan orang Melayu melibatkan diri dalam sektor pertanian dan menetap di kawasan desa manakala, orang Cina bekerja dalam sektor perniagaan dan tinggal di kawasan sekitar bandar. Orang India pula menceburi sektor perladangan dan menetap





di kawasan estet, hanya sebilangan kecil sahaja yang tinggal di bandar dan bekerja dalam sektor perkhidmatan kerajaan yang berpangkat rendah. Perbezaan yang wujud antara etnik dalam sektor pekerjaan terutamanya, menyebabkan berlakunya pembahagian kelas di negara ini sebelum merdeka yang memberikan kesan kepada keharmonian antara masyarakat yang telah terbina dan menjadikan sosioekonomi tidak seimbang (Abdul Rahman, 2010). Setelah negara mencapai kemerdekaan, kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia pertama terpaksa menghadapi kesukaran untuk menguruskan sistem sosioekonomi yang tidak seimbang yang diwarisi oleh penjajah British (Shamsul, 2012).

Setelah negara mencapai kemerdekaan, kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia pertama terpaksa menghadapi kesukaran untuk menguruskan sistem sosioekonomi yang tidak seimbang yang diwarisi oleh penjajah British (Shamsul, 2012). Kerajaan terpaksa mencari jalan untuk mengagihkan semula sumber, menggalakkan pembangunan luar bandar dan membangunkan dasar bagi merapatkan jurang sosioekonomi tanpa menjejaskan kestabilan ekonomi. Hal ini kerana dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh penjajah British sering memihak kepada wilayah atau kumpulan etnik tertentu, mengakibatkan jurang kekayaan. Penjajah British menumpukan aktiviti ekonomi dan pembangunan di kawasan bandar, terutamanya menguntungkan golongan minoriti dan mengabaikan kawasan luar bandar dan penduduk asli. Apabila negara membangun, kawasan bandar terus maju dan sering menarik pelaburan manakala, kawasan luar bandar dan desa akan ketinggalan. Oleh itu, sebilangan masyarakat yang menetap di desa dapat merasakan kehidupan mereka diabaikan kerana jurang di antara golongan mewah dan miskin semakin besar. Perbezaan yang semakin meningkat ini menyebabkan kekecewaan dan kebencian yang





meningkat di kalangan penduduk luar bandar, yang berasa semakin terpinggir dan tidak mendapat faedah pertumbuhan ekonomi.

Sebelum peristiwa tragis pada 13 Mei 1969, negara telah pun bergelut dengan ketegangan sosial dan cabaran ekonomi yang ketara. Selain itu, terdapat tanda-tanda pergolakan dan ketegangan politik, termasuk percubaan untuk melemahkan institusi Melayu dan kemenangan pilihan raya yang signifikan bagi parti pembangkang. Pada 9 Mei 1969, perarakan besar etnik China membawa keranda seorang pemuda dari Parti Buruh Malaya (LPM) yang ditembak oleh polis dan mengabaikan laluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Menjelang tragedi itu, terdapat tindakan agresif terhadap masyarakat Melayu dan percubaan untuk melemahkan institusi Melayu dengan paparan provokatif yang menasarkankan Melayu. Pilihan Raya Persekutuan yang telah berlangsung pada 10 Mei 1969, telah mengakibatkan kemenangan besar bagi parti pembangkang, terutamanya Parti Islam Pan Malayan (PMIP), berbanding Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Pakatan dibentuk yang terdiri daripada parti pembangkang Cina iaitu Democratic Action Party (DAP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) telah membawa kejayaan dalam pilihan raya tersebut. Keputusan pilihan raya ini telah menunjukkan perubahan besar dalam dinamik kuasa politik dan meningkatkan ketegangan antara masyarakat Cina dan Melayu. Walaupun tanpa kebenaran dari polis, pada malam 11 dan 12 Mei 1969 DAP telah mengadakan beberapa perarakan yang telah menimbulkan ketegangan dan kerusuhan (Nor Azlah dan Rashidah, 2018).

Oleh itu, hal ini serba sedikit menjadi punca tercetusnya peristiwa hitam yang berlaku pada 13 Mei 1969. Peristiwa hitam 13 Mei terjadi selepas beberapa hari





berlaluinya pilihan raya ketiga. Kemenangan Parti GERAKAN dalam pilihan raya tersebut menyebabkan para penyokong Parti GERAKAN telah mengadakan perarakan meraikan kemenangan dan menimbulkan ketegangan di antara orang Melayu dan juga orang Cina. Pada 13 Mei, UMNO telah mengadakan perarakan balas dan mengakibatkan tercetusnya rusuhan di antara kedua-dua pihak (Abdul Rahman, 2010). Oleh itu ketidakpuasan hati yang wujud antara etnik telah memberikan kesan amat buruk terhadap perpaduan dan keharmonian antara etnik yang baru mula terjalin. Ketidakpuasan itu telah meningkatkan jurang antara kumpulan etnik yang berbeza, menjadikannya mencabar untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian yang berkekalan. Kurangnya pemahaman dan penerimaan hak dan perspektif masing-masing telah menegangkan lagi hubungan antara masyarakat.



Peristiwa hitam yang berlaku pada 13 Mei 1969 menyaksikan persengketaan yang tercetus antara etnik yang menyebabkan kematian, kecederaan, kemusnahan harta benda dan krisis perkauman. Akibat daripada peristiwa tersebut, pihak pemerintah telah membuka mata betapa pentingnya satu badan untuk menyedarkan semua masyarakat akan kepentingan keharmonian antara semua etnik. Oleh yang demikian, MAGERAN ditubuhkan sebagai satu usaha untuk mengatasi masalah tersebut (Mohd Sohaimi & Romzi, 2020). Kegagalan untuk menangani dan menyelesaikan penyebab ketidakpuasan yang mendasari telah mengekalkan kitaran konflik dan perselisihan, menghalang kemajuan ke arah masyarakat yang lebih harmoni. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan untuk MAGERAN bertindak dalam menangani jurang sosioekonomi dan ketegangan etnik yang telah berlaku sejak pasca kemerdekaan.





MAGERAN mengakui bahawa tragedi 13 Mei telah menyedarkan semua etnik untuk mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan keharmonian dan keadilan sosial sentiasa terjamin. Antara usaha yang diambil oleh MAGERAN adalah dengan menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara pada Januari 1970. Kedua-dua badan ini mempunyai hubungan secara langsung dengan MAGERAN dalam mewujudkan perpaduan antara etnik supaya tragedi 13 Mei tidak berulang kembali. Pada bulan Ogos 1970, MAGERAN dengan persetujuan Majlis Perundingan Negara telah menguatkuasakan Akta Hasutan. Akta ini dikuatkuasakan sebagai langkah untuk membendung pertikaian isu sensitif termasuklah isu berkaitan dengan kuasa dan keistimewaan Yang Dipertuan Agong atau Raja-raja Melayu, kewarganegaraan, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, kedudukan istimewa orang Melayu dan Islam sebagai agama persekutuan (Mohd Sohaimi & Romzi, 2020). Oleh itu, satu ideologi telah terbentuk bagi memastikan masyarakat tidak lagi terjebak dalam konflik perkauman yang boleh menjejaskan perpaduan. Pelbagai faktor yang boleh membentuk sesebuah ideologi iaitu sejarah, budaya, agama, dan pengalaman sosial.

Pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-13, Yang di-Pertuan Agong IV, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, mengisytiharkan Rukun Negara yang bertujuan untuk mewujudkan perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi jati diri rakyat Malaysia yang berbilang etnik (Nazri, 2021). Rukun Negara mendukung lima prinsip negara bagi mencapai perpaduan erat dalam kalangan masyarakat dan negeri yang membentuk Persekutuan. Selain itu, dengan adanya pegangan Rukun Negara cara hidup demokratik dapat dipelihara di samping mengukuhkan kedudukan bangsa dan negara (Shamrahayu, 2020). Pegangan dan penghayatan terhadap Rukun Negara adalah





penting untuk memupuk kesatuan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia. Rukun Negara mewujudkan rasa kekitaan dan mengukuhkan idea bahawa perpaduan nasional adalah matlamat bersama yang memerlukan penyertaan aktif daripada semua lapisan masyarakat.

Justeru, Rukun Negara merupakan satu dasar yang amat penting untuk dihayati dan diamalkan. Setiap prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara adalah merangkumi semua aspek kehidupan terutama kepada penduduk negara ini yang hidup bermasyarakat. Penghayatan Rukun Negara bukan hanya perlu dihafal tetapi mestilah harus terus diamalkan dan dipupuk terutama di kalangan generasi muda dan patut disemai sejak dibangku sekolah lagi. Generasi muda merupakan kelompok yang akan mengekalkan identiti negara dan menjadi pemimpin yang bertanggungjawab kepada negara. Sekiranya golongan muda tidak menghayati prinsip tersebut, jati diri akan mudah tergugat dan mungkin akan menjadi racun kepada keamanan negara yang telah lama dibina. Ancaman dan unsur luar yang cuba untuk merosakkan keamanan negara perlu dielakkan dan dijauhi. Dengan itu, sudah semestinya setiap individu harus menghormati intipati yang terkandung dalam Rukun Negara dan tidak sesekali memperlekehkannya. Dengan mematuhi prinsip ini, individu menyumbang kepada perpaduan dan keharmonian komuniti mereka, memastikan aktiviti dan inisiatif komuniti sejajar dengan nilai asas ini. Menghormati dan menjiwai Rukun Negara memupuk semangat tujuan dan identiti bersama, mengukuhkan lagi ikatan dalam masyarakat dan menggalakkan masyarakat yang aman dan bersatu padu.





1.2.2 KRT Sebagai Alat Perpaduan

Malaysia merupakan negara yang didiami oleh masyarakat pelbagai etnik sejak pelaksanaan dasar pecah dan perintah. Dasar ini merupakan dasar yang dilaksanakan oleh pihak kolonisme Inggeris yang menyebabkan kemasukan etnik lain seperti Cina dan India ke dalam Malaysia. Beberapa penempatan telah muncul dan dibahagikan mengikut kumpulan etnik tertentu. Etnik Melayu bekerja sebagai nelayan dan petani, etnik Cina terlibat dalam pelombong dan peniaga di kawasan bandar yang lebih maju, manakala etnik India pula bekerja sebagai penoreh getah di ladang getah. Kemasukan etnik ini mewujudkan masyarakat majmuk dengan amalan dan corak hidup berbeza (Ateerah & Asma, 2021). Corak yang terhasil boleh mewujudkan interaksi sosial dalam konteks kejiiran yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Oleh itu, kehadiran kuasa luar sebenarnya membawa satu dimensi baharu kepada situasi sosioekonomi masyarakat Malaysia.

Dalam memastikan di kawasan kejiiran sentiasa terpelihara, satu organisasi telah diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi perpaduan di kawasan kejiiran. Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Pada 29 Ogos 1975 Tun Abdul Razak, Perdana Menteri pada ketika itu telah melancarkan Skim Rukun Tetangga yang berperanan untuk mengawal keselamatan kawasan kejiiran. Melalui skim ini rakyat berpeluang untuk mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kejiiran mereka sendiri daripada kejadian jenayah yang berlaku yang mengancam keselamatan penduduk pada ketika itu (JPNIN, 2021).





Penduduk setempat merasa lebih terjamin terhadap kesejahteraan dan keselamatan mereka dengan wujudnya Rukun Tetangga di kawasan kejiranan mereka.

RT diperluaskan lagi di Sabah yang dilancarkan pada 31 Ogos 1985 dan kemudian dilancarkan semula di Sarawak pada 1 Februari 1988. Namun sebelum RT dikembangkan ke kawasan tersebut, pada 1 Januari 1983 kerajaan telah menyusun semula skim ini iaitu daripada konsep keselamatan kepada konsep semangat kejiranan. Skim ini ditambah baik adalah untuk memperkukuhkan lagi semangat perpaduan di kalangan komuniti setempat. Pelaksanaannya dibuat melalui 3 kategori iaitu Kawasan Rukun Tetangga, Sektor Pendaftaran dan Sektor Keselamatan. Bagi tujuan tersebut pindaan undang-undang berkaitan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 telah pun dilakukan (JPNIN, 2021). Sepanjang tempoh dua dekad iaitu dari tahun 1970 hingga 1990, proses urbanisasi berlaku dan menyebabkan perubahan yang mendadak berlaku daripada aspek modenisasi (Mohd Syariefudin et al., 2020). Proses modernisasi ini juga telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap konsep yang ditekankan oleh RT.

Pada tahun 2001, RT telah diberi nafas baru iaitu kepada konsep pembangunan komuniti di mana ianya bertujuan begi memperkasakan komuniti untuk berhadapan dengan halangan dan seiring dengan perubahan gaya hidup semasa. Aspek yang ditekankan dalam RT pada ketika ini adalah pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam aspek yang menyeluruh (JPNIN, 2021). Penekanan pembelajaran sepanjang hayat adalah bertujuan untuk memastikan masyarakat mendapat peluang pendidikan merentasi peringkat umur, latar belakang pendidikan dan lokasi pembelajaran. Pembelajaran sepanjang hayat mesti dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya dan





gaya hidup semua masyarakat tanpa mengira etnik untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan arus perubahan globalisasi. Bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing, pembelajaran sepanjang hayat adalah antara elemen yang penting (Amirul, 2019). Pembelajaran sepanjang hayat adalah usaha yang berterusan bagi memperoleh pengetahuan, pengalaman serta pemahaman yang baru dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pada tahun 2010 seiring dengan perubahan arus globalisasi, kerajaan telah memperkenalkan satu model baru iaitu Model Transformasi Rukun Tetangga yang merangkumi lima teras utama. Lima teras utama ini terdiri daripada perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup. Teras utama ini diperkasakan dengan pelaksanaan program dan aktiviti RT (JPNIN, 2021). Jika komuniti mampu untuk melaksanakan kelima-lima model tersebut maka, komuniti akan selamat dan dapat membina ekonomi yang lebih kukuh (Mohd Syariefudin & Romzi, 2020). Setiap teras yang dibina adalah penting kepada masyarakat pelbagai etnik dan negara. Dengan pelaksanaan lima teras ini melalui aktiviti yang dianjurkan oleh KRT, rakyat dapat memacu negara untuk menjadi lebih harmoni dan ke arah negara yang sejahtera.

Berdasarkan keperluan semasa, Ordinan Darurat telah dimansuhkan pada tahun 2011. Oleh itu, Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) telah digubal dan memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti. Akta tersebut berkuatkuasa pada 22 Jun 2012. Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan pada 10 Mac 2020 dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) diletakkan di bawah kementerian ini. Peranan JPNIN pada dasarnya adalah untuk mendidik





masyarakat supaya cintakan perpaduan. Selain itu, JPNIN berperanan untuk memelihara, mengekal dan meningkatkan perhubungan etnik ke arah perpaduan nasional. Oleh kerana Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik maka perpaduan nasional amat penting bagi memelihara keharmonian sejagat. JPNIN juga memainkan peranan yang besar dalam memupuk perpaduan masyarakat. JPNIN telah mencadangkan langkah-langkah yang komprehensif dan relevan di dalam memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional (JPNIN, 2021). Jika langkah-langkah ini dilaksanakan secara serius dan berterusan, ia boleh menyumbang secara positif kepada pembentukan masyarakat yang bersatu padu di peringkat nasional.

Kehidupan berjiran dapat menggalakkan pembinaan hubungan yang positif dan perpaduan di kalangan penduduk di kawasan tersebut. Dengan mengamalkan semangat kejiranan, masyarakat dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, selesa dan sejahtera. Oleh itu, pendekatan hidup kejiranan ini dapat menggalakkan perpaduan di kalangan penduduk melalui KRT. Kejayaan memajukan perpaduan nasional dan integrasi nasional memerlukan penglibatan aktif semua elemen masyarakat dan kerajaan dalam merealisasikan nilai perpaduan dan keadilan.

Dapat dirumuskan bahawa KRT merupakan antara jentera perpaduan yang paling efektif pelaksanaannya dalam konteks sosial. KRT berperanan dalam membina semangat kekitaan dan menggalakkan perpaduan di peringkat komuniti. Walaupun KRT boleh dianggap sebagai alat integrasi yang berkesan, namun perlu diingatkan bahawa penyatuan dan integrasi nasional yang berjaya memerlukan usaha sama daripada pelbagai sektor dan peringkat masyarakat. Hal ini kerana dalam mencapai matlamat negara untuk mencapai perpaduan, usaha ini tidak boleh dilakukan oleh hanya





KRT sahaja kerana KRT tidak boleh bergerak sendiri tanpa sokongan kerajaan, dan institusi sosial yang lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesepaduan sosial boleh memberi manfaat kepada komuniti kerana membawa kepada hubungan yang kukuh dan memupuk nilai bersama. Perpaduan yang kuat dalam kalangan ahli komuniti membolehkan mereka untuk merasakan semangat kekitaan dalam kelompok masyarakat. Semangat kekitaan ini berfungsi untuk menyatukan masyarakat pelbagai etnik kerana hakikatnya individu tidak dapat bertahan untuk hidup bersendirian tanpa sokongan sosial daripada individu yang lain (Siti Nor, 2016). Oleh itu, semangat perpaduan dalam kumpulan masyarakat cenderung untuk membentuk hubungan yang positif dan semangat bekerjasama. Namun begitu, hasrat untuk mencapai perpaduan adalah sukar sekiranya terdapat individu yang bersikap pentingkan diri kerana akan menyebabkan mereka terasing daripada kumpulan masyarakat dan seterusnya menjadi punca kepada isu-isu hubungan etnik. Dalam membina perpaduan, pembinaan negara bangsa merupakan aspek yang turut ditekankan. Menurut Mohd Mahadee et al., (2021), menjelaskan bahawa proses pembinaan negara bangsa memberikan penekanan utama terhadap pemupukan semangat kebangsaan serta perkongsian identiti bersama dalam setiap diri individu.

Namun begitu, terdapat perkara lain yang perlu dipertimbangkan bagi mewujudkan sebuah negara bangsa Malaysia yang lebih ideal iaitu hubungan antara etnik. Dalam hubungan ini, satu kumpulan etnik akan menunjukkan sikap negatif





terhadap kumpulan etnik yang lain, seperti prasangka, stereotaip, dan diskriminasi (Yong & Ku Hasnita 2019). Hubungan antara etnik yang dibina akan terjejas sekiranya terdapat perkara yang boleh mencetuskan konflik antara kumpulan etnik yang lain seperti, penyebaran propaganda yang memperlekehkan kumpulan etnik lain yang boleh menimbulkan permusuhan dan merumitkan hubungan antara kumpulan etnik. Oleh itu, adalah penting untuk diingat bahawa hubungan antara etnik perlu dijaga dengan baik supaya perpaduan dapat dibentuk dan membantu mengurangkan potensi ketegangan antara etnik.

Menurut Jayum (2023), 60 tahun selepas penubuhan Malaysia, isu perpaduan pelbagai etnik kekal penting dan perlu dibincangkan secara terbuka. Walaupun banyak slogan telah dicipta dan dilancarkan oleh pemimpin sejak 1960-an namun, tahap perpaduan masih giat dicari. Banyak kajian saintifik telah dijalankan sejak tahun 1970-an. Pelbagai agensi kerajaan diperuntukkan jumlah wang yang besar untuk menjalankan pelbagai kajian bagi meneroka cara dan teknik untuk mencapai perpaduan dalam negara berbilang etnik dengan budaya, bahasa, agama dan gaya hidup yang berbeza. Walau bagaimanapun, semuanya dianggap sebagai kegagalan. Tidak dinafikan terdapat kajian yang baik yang menjelaskan masalah dengan baik namun tidak menunjukkan usaha untuk memperbaiki isu tersebut.

Selain itu, kepelbagaian juga membawa kepada wujudnya isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia. Aszlan dan Mohamad (2017), berpendapat bahawa walaupun kepelbagaian menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara unik namun, kepelbagaian ini juga menjadi peghalang kepada perpaduan dan pembentukan negara bangsa. Anggapan bahawa budaya etnik sendiri lebih tinggi daripada budaya etnik lain





akan mencetuskan prasangka dan salah faham. Kepelbagain sepatutnya diraikan dan dibanggakan namun menjadi penyebab wujudnya penghalang kepada perpaduan. Salah satu alternatif potensi terbesar dalam meredakan konflik antara etnik, adalah penciptaan hubungan yang harmoni antara etnik melalui pembangunan hubungan di peringkat kejrangan (Aziz, Ahmad & Nor Baizura, 2018). Oleh itu, adalah penting untuk KRT diwujudkan sebagai satu organisasi yang menangani isu-isu sosial antara komuniti setempat. KRT mempunyai potensi yang sangat besar dalam membangunkan masyarakat serta memberikan penekanan terhadap pemupukan perpaduan dan integrasi nasional.

Sejak penubuhannya, jumlah KRT telah meningkat setiap tahun. Pada tahun 2022 jumlah KRT adalah sebanyak 8,348 unit dan meningkat kepada 8,397 pada tahun 2023 (KPN, 2024). Walaupun bilangan jumlah unit KRT semakin bertambah namun kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap peranan KRT masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini menyebabkan kewujudan KRT yang kurang aktif dan akhirnya ditutup walaupun peruntukkan khusus sebanyak RM6,000 setahun telah disediakan untuk menjalankan program KRT (Nurul Huda, 2022). Peruntukan yang diberikan seharusnya boleh digunakan dengan baik dalam membentuk masyarakat yang inklusif dan memastikan keberkesanan program kearah perpaduan dapat dilaksanakan. Oleh itu, sangat membimbangkan sekiranya KRT tidak dapat menjadi penggerak kepada kesepaduan sosial dengan inisiatif yang disediakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat peranan KRT perlu dikaji untuk mengetahui bagaimana KRT boleh memupuk kesepaduan etnik dalam komuniti.





Walau bagaimanapun, dalam proses KRT melaksanakan peranannya untuk menjamin kesejahteraan masyarakat pelbagai etnik, masih terdapat halangan yang wujud. Halangan tersebut perlu dikenal pasti dan dielakkan dengan sebaik mungkin agar matlamat utama KRT tidak terjejas. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara mendapati secara keseluruhannya terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dari aspek pengurusan bayaran dan pengumpulan maklumat KRT oleh JPNIN iaitu:

- i. jumlah geran yang disalurkan tidak seragam;
- ii. prosedur pengagihan geran dan bayaran aktiviti KRT yang tidak teratur;
- iii. laporan dan statistik aktiviti KRT melalui Sistem Maklumat JPNIN yang tidak kemas kini;
- iv. rekod dan laporan aktiviti kewangan KRT tidak diselenggara dengan kemas kini oleh JPNIN;
- v. maklumat bilangan aktiviti di dalam borang pengumpulan maklumat KRT tidak dapat disahkan;
- vi. justifikasi penilaian tahap keaktifan KRT tidak dapat disahkan;
- vii. perjawatan tidak diisi secara pentadbiran (*one man show*) di JPNIN daerah, dan
- viii. kemudahan kenderaan yang terhad bagi tujuan penyeliaan KRT.

(Jabatan Audit Negara, 2012)

Dapatan yang diperoleh daripada laporan tersebut menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam pengurusan JPNIN terhadap KRT dan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Jabatan Audit memainkan peranan penting dalam memastikan ketelusan dalam sesebuah organisasi untuk mengekalkan keyakinan





daripada masyarakat terhadap organisasi tersebut kerana antara skop pengauditan yang dilaksanakan adalah untuk menilai sejauh mana sesuatu program atau aktiviti dianjurkan dengan cekap dan berhemat mampu untuk mencapai objektif yang ditetapkan (Jabatan Audit Negara, 2022). Hal ini dapat dibuktikan melalui Mesyaurat Jawatankuasa Audit yang membentangkan hasil penemuan pengauditan adalah bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti kementerian atau agensi terhadap pengurusan kewangan di setiap jabatan, meningkatkan kesedaran pihak pengurusan kementerian dan agensi terhadap keperluan kompetensi pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan supaya kementerian atau agensi lebih serius dalam melaksanakan tindakan pembedahan dan pencegahan terhadap teguran yang diberikan (KPN, 2024).



Oleh yang demikian, adalah penting untuk diambil perhatian terhadap kelemahan berkaitan pengurusan KRT. Kelemahan dalam pengendalian KRT perlu diatasi kerana sekiranya isu ini tidak diselesaikan, keberkesanan dan impak positifnya kepada masyarakat mungkin terjejas. KRT sepatutnya menjadi platform untuk menyelesaikan isu berkaitan etnik. Oleh itu, kelemahan pengurusan KRT juga boleh menghalang komuniti daripada mengenal pasti masalah dan melaksanakan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi mereka.

Hal ini kerana secara tidak langsung akan menjadi penghalang kepada KRT dalam menjadi medium kesepaduan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Alias (2005), terdapat lima cabaran yang dihadapi oleh KRT untuk mencapai matlamatnya iaitu:





- i. Isu kepimpinan.
- ii. Bilangan wanita yang dilantik menjadi AJK terlalu sedikit jumlahnya berbanding lelaki.
- iii. AJK yang dilantik tidak diberi penghargaan secara individu oleh pihak Jabatan.
- iv. KRT tidak mengamalkan sikap demokrasi dalam pemilihan AJK.
- v. KRT dipengaruhi elemen politik yang boleh menjejaskan fungsi dan peranan sebenar KRT.

Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian Hamidah (2014), yang merumuskan bahawa KRT yang kurang aktif dikaitkan dengan pengerusi yang gagal memainkan peranan mereka sebagai pemimpin untuk mengendalikan KRT tersebut. Sikap pengerusi yang dilantik kurang disenangi masyarakat. Kesannya, Pengerusi tersebut tidak akan bertahan lama untuk melaksanakan tugasnya dalam organisasi tersebut. Hal ini turut disokong oleh Nur Izzati (2022), yang menyatakan bahawa salah satu sebab tahap keaktifan KRT yang kurang memuaskan adalah peranan kepimpinannya yang tidak dilaksanakan dengan baik sehingga menyebabkan perlunya pegawai perpaduan perlu turun padang dan menyediakan program untuk menerangkan fungsi KRT yang sebenar.

Sekiranya pengerusi tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik, maka pengurusan KRT dari segi kewangan akan mungkin terjejas. Antara tugas utama pengerusi adalah menguruskan pengeluaran wang dari Akaun Rukun Tetangga dan menyemak penyata kewangan bersama. Pengerusi juga bertanggungjawab memeriksa, menyemak dan mengesahkan penyata perbelanjaan bulanan dan tahunan yang





disediakan oleh Bendahari (JPNIN, 2021). Oleh itu, Pengerusi KRT seharusnya mempunyai pemahaman yang baik terhadap KRT dan mendalami tanggungjawab sebagai seorang pemimpin supaya matlamat untuk menyatupadukan masyarakat boleh direalisasikan. Pengerusi merupakan penggerak utama yang akan mengemudi sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat bersama. Secara keseluruhannya, pengerusi memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesannya dalam mencapai objektif organisasi.

Penekanan terhadap pemupukan kesepaduan etnik melalui KRT perlu diberikan keutamaan kerana KRT merupakan agen perpaduan yang penting. KRT berperanan untuk menguruskan pelbagai program dan aktiviti di peringkat komuniti. Kelemahan dalam pengurusan boleh mengakibatkan kegagalan untuk menyampaikan program yang memberi manfaat kepada masyarakat



Di samping isu berkaitan organisasi KRT, terdapat peningkatan isu-isu lain yang mengganggu sensitiviti agama pada masa kini. Misalnya, sebuah pengilang stoking dari China, telah mengeksport stoking yang tertera kalimah Allah SWT ke Malaysia dan telah dijual di salah satu cawangan kedai rangkaian serbaneka (Siti Aisyah, 2024). Perkara ini telah menjejaskan semangat perpaduan dan mencetuskan kemarahan dalam kalangan masyarakat terutama yang beragama Islam. Sikap saling hormat menghormati yang telah diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu lagi merupakan penghubung antara sesama manusia tanpa mengira agama dan etnik (Nor Hazrul, 2022).





Walaupun negara ini merupakan negara demokrasi dan setiap masyarakat bebas untuk mengamalkan amalan agama dan kepercayaan masing masing yang tertakluk kepada prinsip Rukun Negara, namun penghinaan terhadap sesebuah agama meupakan tindakan yang tidak wajar dan tindakan sekeras-kerasnya perlu diambil terhadap pihak yang terlibat.

Setiap aspek yang terkandung dalam Rukun Negara meliputi semua aspek kehidupan. Ianya merangkumi semua masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Hal ini kerana antara faktor terbentuknya Rukun Negara dan penubuhan KRT adalah kerana peningkatan sentimen etnik dan agama yang mengakibatkan ketegangan. Oleh itu, nilai-nilai kemanusiaan yang diungkapkan dalam teras kelima Rukun Negara menekankan sikap saling menghormati dan menerima perbezaan antara satu sama lain.



Namun begitu, sikap saling menghormat semakin pudar dan semangat perpaduan semakin kurang diterapkan dalam masyarakat terutama dalam media sosial. Penggunaan bahasa yang kurang sopan dan kurang beradab semakin berleluasa di semua platform seperti Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter, TikTok, dan YouTube (Normawati, 2023). Contohnya perkataan ‘type C’ yang sering digunakan di platform media sosial, untuk merujuk kepada etnik Cina. Prinsip yang semakin terhakis ini dapat mencerminkan bahawa penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan masyarakat terutama golongan muda berada pada tahap yang rendah.

Selain itu antara isu yang relevan dan masih berlaku adalah berkaitan isu ketegangan antara kumpulan etnik. Perkara ini berlaku disebabkan oleh





ketidakhafahaman antara kumpulan etnik tersebut. Menurut Norafiza (2024), sebuah restoran makanan segera menggunakan perkataan 'type C' dalam sebuah komen maklum balas terhadap pelanggannya telah menerima kritikan daripada pengguna media sosial. Pengendali akaun media sosial restoran tersebut membuat sangkaan yang mendakwa 'type C' cuba bermain sentimen buruk terhadap operasi syarikat bumiputera tersebut. Hakikatnya masyarakat memiliki kebebasan untuk menyuarakan pandangan dan pendapat namun tindakan yang dilakukan ini telah menimbulkan kontroversi isu perkauman. Oleh itu, penyebaran maklumat yang salah dan tanpa pengawasan boleh membawa kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhan. Hal ini boleh menimbulkan kekacauan, menggugat perpaduan antara etnik, dan mengancam keamanan rakyat Malaysia jika media sosial tidak digunakan secara bertanggungjawab, efisien, dan beretika (Norazlinda & Mohammad, 2021).



Pihak kerajaan tidak akan pernah berkompromi terhadap sebarang pengguna media sosial yang membahayakan keselamatan, kestabilan, dan keharmonian negara, terutamanya mereka yang menghina institusi diraja, mengeksploitasi isu perkauman, atau mencemari agama. Hak kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak dan sentiasa tertakluk kepada peraturan undang-undang yang telah ditetapkan (Anita, Farah & Sakinah, 2021). Kerjasama antara kerajaan dan KRT adalah sangat penting dalam membina dan memperkukuhkan keharmonian serta kemakmuran masyarakat.

Justeru itu, usaha untuk meningkatkan perpaduan dan kesejahteraan masyarakat masih perlu dilaksanakan kerana isu-isu yang berkaitan dengan kebebasan beragama dan kepercayaan boleh mempengaruhi perpaduan dalam masyarakat. Berdasarkan permasalahan yang telah dikenal pasti yang boleh mengganggu kesejahteraan serta





perpaduan masyarakat pelbagai etnik di negara ini, kajian ini akan menfokuskan kepada aktiviti KRT dan Rukun Negara sebagai medium kesepaduan antara etnik.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama yang digariskan bagi meneliti setiap isu yang diketengahkan dalam kajian ini. Objektif tersebut adalah:

- i. Menilai tahap aplikasi prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT.
- ii. Mengukur tahap penghayatan prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT sebagai medium kesepaduan antara etnik.
- iii. Mengenalpasti tahap penerimaan kesepaduan sosial dalam masyarakat di

Kawasan Rukun Tetangga.



1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian terdapat tiga persoalan diketengahkan dan berkait rapat dengan kajian ini. Persoalan-persoalan tersebut termasuklah:

- i. Apakah tahap aplikasi prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT?
- ii. Apakah tahap penghayatan prinsip Rukun Negara dalam aktiviti KRT sebagai medium kesepaduan antara etnik?
- iv. Apakah tahap penerimaan kesepaduan sosial dalam masyarakat di Kawasan Rukun Tetangga?





1.6 Kepentingan Kajian

Masyarakat di negara ini yang terdiri daripada pelbagai budaya perlu sedar akan kepentingan perpaduan etnik. Proses menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara perlu diketengahkan supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta kepada tanah air. Oleh itu, sebagai negara bangsa yang meletakkan perpaduan sebagai asas kepada kelangsungan keharmonian, maka keperluan untuk mengukir nilai bersama merupakan prasyarat bagi mewujudkan bangsa Malaysia. Namun begitu, kegagalan dalam membentuk jalinan hubungan yang baik antara etnik menjadi penghalang kepada usaha untuk meneruskan perpaduan.

Dengan kewujudan KRT, nilai bersama yang diidamkan dapat dicapai melalui pelbagai peranan yang dilaksanakan. Berdasarkan KPN (2021), terdapat lima fungsi dan peranan KRT. Yang pertama menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan, ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan anggota masyarakat. Peranan kedua menerima maklumat untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat tersebut kepada Pengarah. Peranan KRT yang ketiga adalah mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana. Selain itu, peranan KRT yang keempat adalah menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat dan yang terakhir menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.





Inisiatif kerajaan dalam mengekalkan keharmonian melalui pengukuhan KRT tidak dapat dinafikan kepentingannya. KRT memainkan peranan sebagai mata dan telinga kerajaan bagi memastikan hasrat negara dapat dicapai. Oleh itu, KRT perlu bergerak sebagai agen perpaduan pada peringkat akar umbi lagi. KRT mewujudkan ruang komunikasi dan interaksi antara penduduk setempat yang lebih baik. Oleh itu, ketidakfahaman dan konflik terhadap perbezaan antara etnik dapat dielakkan daripada berlaku dan pembangunan hubungan yang lebih erat di kalangan masyarakat setempat dapat dicapai. Hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap peranan dan tanggungjawab ahli komuniti dan KRT khususnya dalam membentuk kesepaduan antara etnik.

Kajian ini juga dapat menjelaskan impak aktiviti KRT kepada kesepaduan etnik dalam masyarakat. Hal ini perlu diteroka kerana KRT merupakan penggerak utama kepada usaha untuk membantu kerajaan dalam meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat. KRT sentiasa memainkan peranannya dalam komuniti setempat sebagai medium perpaduan sejak awal kewujudannya lagi dan memberikan manfaat kepada masyarakat melalui aktiviti yang dianjurkan. Namun, terdapat KRT yang hanya aktif pada peringkat awal penubuhannya dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan, kemudian prestasinya menurun dan menjadi statik (Hamidah, 2014). Oleh itu, jelaslah bahawa masih terdapat halangan yang wujud bagi merealisasikan matlamat ini. Rentetan kajian perlu dikenal dilaksanakan kerana kajian ini dapat memberikan impak kepada bidang sains sosial khususnya isu perpaduan kemasyarakatan setempat.

Justeru, pemupukan kesepaduan perlu menjadi keutamaan dalam pembentukan identiti negara yang berbilang etnik. Hal ini kerana KRT merupakan satu platform yang





telah lama wujud bagi menyahut seruan kerajaan dalam pembentukan perpaduan etnik. Oleh yang demikian, satu kajian peranan KRT dalam memupuk kesepaduan perlu dijalankan bagi mengatasi sebarang isu yang timbul dalam komuniti tersebut. Hasil kajian ini boleh menyumbang kepada kepelbagaian korpus ilmu untuk pembuat dasar, masyarakat dan ahli akademik.

1.7 Batasan kajian

Di Malaysia, terdapat sebanyak 8348 unit KRT telah wujud sehingga tahun 2022. Manakala sebanyak 584 kawasan KRT di Perak yang telah dikenal pasti (Kementerian Perpaduan Negara, 2023.). Dari kesemua KRT di negeri Perak, pengkaji memilih KRT di daerah Muallim iaitu di kawasan Tanjong Malim. Pemilihan Tanjong Malim sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan kesesuaian dengan matlamat kajian yang dilaksanakan berdasarkan kepelbagaian etnik. Tanjong Malim didiami oleh komposisi masyarakat yang berbilang etnik terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Tanjong Malim juga berpotensi untuk menjadi sebuah bandar yang pesat membangun berdasarkan kegiatan ekonomi yang pesat dan perancangan industri yang akan dirancangan.

Kajian ini mempunyai limitasi tertentu yang mempengaruhi dapatan kajian. Terdapat 24 KRT yang dipilih sebagai lokasi kajian yang terdiri Bandar Behrang 2020, Desa Merpati, Kampung Berop, Kampung Kelawar, Kampung Ketoyong, Kampung Kuala Slim, Kampung Simpang 4, Kampung Sungai Behrang, Kota Malim Prima, Parcel 18, Proton City, Rumah Awam 2, Rumah Awam 3, Taman Bernam, Taman Berop Idaman, Taman Danau, Taman Ketoyong, Taman Nusa, Taman Pertama, Taman





Segar, Taman Sekiah Makmur, Taman Universiti, Taman Wangsa Jaya dan Tanjong Malim. Oleh itu kajian ini hanya menggambarkan fenomena bagi populasi kawasan tersebut sahaja.

KRT yang terpilih sebagai lokasi kajian tersebut adalah berdasarkan ciri ciri kepelbagaian penduduk yang menjadi ahli kepada KRT tempat mereka tinggal. Kepelbagaian ini meliputi aspek bahasa, taraf sosioekonomi, jantina, etnik dan budaya. Secara tidak langsung kajian ini akan memperoleh hasil yang menarik kerana mengkaji masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang. Setiap ahli yang menyertai kajian ini akan memberikan pandangan yang berbeza beza.

Seterusnya, pemilihan sampel yang dijalankan terhadap populasi kajian. Soal selidik yang merupakan instrumenn dalam kajiani ini yang disediakan untuk diedarkan kepada responden melalui AJK dalam organisasi KRT masing masing. Maka, kemungkinan wujudnya ralat seperti faktor masa, gangguan talian internet dan faktor persekitaran berlaku. Melalui instrumen soal selidik juga, sebab dan akibat terhadap hubungan antara pembolehubah dalam kajian ini tidak dapat ditentukan. Dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada populasi responden yang telah dipilih yang mempunyai ciri demografi yang sama dan bergantung kepada kejujuran, tahap pengetahuan dan pengalaman mereka. Secara tidak langsung, kajian ini juga mudah kemungkinan terdedah kepada bias. Oleh yang demikian, perancangan yang rapi amat diperlukan dalam proses pengumpulan data bagi tujuan untuk menyesuaikan soal selidik yang digunakan dengan suasana dan budaya masyarakat di KRT yang terpilih.





Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat setempat yang menyertai aktiviti serta program yang dianjurkan oleh KRT di komuniti mereka serta AJK yang melibatkan diri dalam memainkan peranan KRT sebagai medium kesepaduan. Kajian ini mengambil kira pendapat, hasrat dan pandangan terhadap KRT di komuniti setempat dalam memainkan peranan mereka. Masalah dan halangan yang dihadapi oleh KRT juga akan dikenal pasti dan diteliti supaya pelbagai strategi boleh dirangka dan dilaksanakan. Penelitian terhadap kesan-kesan aktiviti KRT kepada kesepaduan etnik dalam masyarakat adalah langkah penting dalam membangunkan strategi yang berkesan untuk memastikan keberkesanan peranan KRT dilaksanakan dengan efektif terutama dalam memupuk kesepaduan anggota masyarakat.



1.8 Definisi Operasional

Kajian ini memanfaatkan beberapa istilah dan konsep yang memerlukan penjelasan bagi memudahkan perbincangan dan pemahaman keseluruhan kajian. Panduan praktikal terhadap konsep tersebut diaplikasikan secara operasional dalam kajian ini dan bagi memastikan terdapat ketelitian dalam proses pengumpulan data. Dengan itu, terdapat beberapa konsep yang perlu ditakrifkan bagi melancarkan perbincangan dalam kajian ini.

1.8.1 Konsep Penghayatan

Penghayatan merupakan satu konsep yang sering dibincangkan dalam bidang sains





sosial. Penghayatan menggambarkan proses terhadap pemahaman secara menyeluruh terhadap sesuatu perkara yang bukan sahaja sekadar pemahaman secara intelektual, malah melibatkan penghargaan terhadap makna dan nilai yang terkandung dalam sesuatu fenomena sosial sama ada dalam konteks seni, budaya, agama, atau kehidupan seharian. Ia melibatkan pemikiran dan perasaan yang mendalam.

Dalam bidang pendidikan, penghayatan melibatkan pengukuran tahap pemahaman, keterlibatan emosi, dan refleksi pelajar terhadap bahan pembelajaran. Menurut kajian Garcia dan Martinez (2020), penghayatan terhadap kepelbagaian budaya dalam konteks pendidikan mampu membantu pelajar memahami dan menghormati perbezaan yang dimiliki oleh setiap individu. Hasil kajian tersebut, mendapati bahawa sikap menghargai budaya lain bukan sekadar memperluaskan pengetahuan pelajar, malah turut menyumbang kepada pembentukan sikap toleransi dan kemahiran berinteraksi secara positif. Dengan ini dapat dibuktikan bahawa penghayatan memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan dapat memperkukuhkan ikatan sosial masyarakat

Penghayatan bukan sekadar melibatkan proses penerimaan budaya sendiri, malah turut merangkumi keterbukaan dalam mengenali dan menghormati kepelbagaian budaya lain. Dalam konteks masyarakat majmuk, penghayatan budaya berperanan penting dalam membina keharmonian sosial, mewujudkan sikap saling menghormati serta memperkukuh hubungan antara kaum. Menurut Zahra Al-Zadjali (2024), apresiasi budaya yang disalurkan melalui pendidikan, seni, dan interaksi sosial mampu mewujudkan rasa empati dan penerimaan terhadap kepelbagaian budaya, sekali gus mengurangkan jurang prasangka serta stereotaip antara etnik. Melalui penghayatan





budaya yang berterusan, masyarakat bukan sahaja dapat memperkukuh jati diri budaya sendiri, tetapi juga membina hubungan harmoni berasaskan penghormatan dan toleransi terhadap budaya lain, yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang bersatu padu dan inklusif.

Di samping itu, penghayatan dalam agama merujuk kepada proses mendalam dalam memahami, merasai, dan mengamalkan ajaran agama sehingga ia meresap ke dalam jiwa dan mempengaruhi tingkah laku seseorang. Ia melibatkan aspek kognitif, afektif dan konatif dalam kehidupan seharian. Penghayatan agama yang tinggi dalam kalangan mahasiswa memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti, nilai-nilai, dan tindakan positif dalam kehidupan. Penghayatan agama yang kukuh merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak berperanan signifikan dalam membentuk keperibadian mahasiswa (Nurul Amirah dan Siti Aishah, 2024): Hal ini dapat melindungi mereka daripada terjebak dalam gejala sosial yg dapat meruntuhkan pegangan dan kepercayaan agama mereka.

Selain itu, penghayatan nilai-nilai murni, seperti tanggungjawab sosial dan keprihatinan terhadap isu-isu kemanusiaan, memainkan peranan penting dalam meningkatkan empati dan kesedaran sosial individu. Kajian oleh Intan Suria Hamzah et al. (2022) meneliti peranan aktiviti sukarela dalam memupuk kemahiran insaniah mahasiswa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan dapat memupuk nilai-nilai murni dan menguatkan semangat kerjasama dalam diri mahasiswa. Individu yang menghayati nilai-nilai murni, lebih cenderung untuk menyertai aktiviti sukarela dan memberi sumbangan kepada masyarakat. Ini menunjukkan bahawa





penghayatan bukan sahaja memberi manfaat kepada individu dari segi perkembangan diri, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan-

Secara keseluruhannya, penghayatan adalah proses yang mendalam dan menyeluruh dalam memahami sesuatu perkara, sama ada dalam pendidikan, budaya, sosial, atau agama. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa penghayatan dapat meningkatkan pemahaman, membentuk keperibadian yang lebih baik, dan memberi impak positif kepada masyarakat. Oleh itu, definisi penghayatan yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada proses mendalami, memahami serta mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan seharian, yang bukan sahaja memperkaya pengalaman hidup individu, malah memperkukuh hubungan sosial serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.



1.8.2 Konsep Aktiviti

Aktiviti merujuk kepada pelbagai bentuk tindakan dari individu atau kumpulan yang melibatkan bentuk fizikal, mental, sosial, atau emosi bagi mencapai sesuatu matlamat. Aktiviti dianggap sebagai proses yang melibatkan interaksi antara individu dan persekitarannya. Proses ini melibatkan pertukaran maklumat, idea dan pengalaman yang mempengaruhi tindakan dan perkembangan individu.

Menurut Marnie et al. (2023), aktiviti yang dilakukan di halaman sekolah boleh berfungsi sebagai taman komuniti dengan memudahkan penglibatan sosial antara individu, terutamanya semasa aktiviti fizikal dijalankan. Dengan memerhatikan





bagaimana orang berinteraksi di kawasan ini, kajian ini menilai dengan lebih jelas peranan kawasan awam dalam mempromosikan hubungan sosial dan menggalakkan interaksi sosial dalam komuniti. Kajian ini menunjukkan bahawa halaman sekolah memainkan peranan penting dalam interaksi sosial, terutamanya apabila direka dan diprogram untuk menggalakkan aktiviti fizikal dan penglibatan komuniti.

Selain itu, aktiviti dalam interaksi sosial merangkumi pelbagai tingkah laku dan penglibatan individu untuk berkomunikasi, membina hubungan dan memupuk komuniti. Ini boleh termasuk komunikasi lisan dan bukan lisan, tugas kolaboratif dan aktiviti rekreasi, yang kesemuanya memberi kesan ketara kepada kemahiran sosial dan kesejahteraan emosi. Ellinger et al. (2023), mengkaji bagaimana aktiviti dan pembelajaran di luar bilik darjah mempengaruhi rangkaian sosial dan perhubungan kanak-kanak. Hasil kajian telah menekankan betapa pentingnya aktiviti sosial untuk meningkatkan kebolehan kognitif, kecekapan sosial dan kesejahteraan umum.

Jiang et al, (2023) melihat bagaimana penggunaan ruang sosial mempengaruhi perpaduan sosial dan interaksi kejiwaan melalui aktiviti kemasyarakatan. Penggunaan ruang sosial secara aktif menggalakkan interaksi sosial yang mendalam dan mengeratkan hubungan dalam komuniti. Apabila mereka menyertai aktiviti-aktiviti komuniti seperti gotong-royong, majlis keramaian, atau program kebajikan, ikatan antara jiran tetangga menjadi semakin kuat. Ruang sosial seperti taman permainan, dewan serbaguna, atau pasar tani turut berfungsi sebagai pusat pertemuan semula jadi di mana individu dari pelbagai latar belakang dapat berkongsi pengalaman, dan pendapat.





Di samping itu, Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam sebuah masyarakat, khususnya yang berteraskan kelompok seperti perayaan atau kegiatan sukarelawan, bukan sahaja mencerminkan identiti budaya yang unik, tetapi juga berfungsi untuk memupuk nilai-nilai bersama dan mengekalkan tradisi yang diwarisi. Melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sedemikian, individu dapat memperkukuhkan rasa kepunyaan terhadap komuniti mereka, sekaligus membina pengalaman kolektif yang mengikat mereka bersama (Nur Nadia, 2020). Dalam konteks ini, aktiviti-aktiviti budaya menjadi medium penting bagi pembentukan identiti komuniti yang kukuh, di mana setiap individu merasa dihargai dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada keseluruhan kelompok masyarakat yang lebih besar.

Berdasarkan kajian ini, aktiviti merangkumi pelbagai tindakan yang melibatkan individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat peribadi atau sosial. Hal ini merangkumi latihan fizikal dan mental, aktiviti rekreasi atau pengalaman pembelajaran berstruktur. Aktiviti berfungsi sebagai mekanisma yang penting dalam perkembangan kognitif, kesejahteraan emosi, dan ikatan sosial.

1.8.3 Konsep Medium

Medium dalam perhubungan sosial secara tradisinya merujuk kepada saluran atau kaedah di mana individu berkomunikasi dan berinteraksi, seperti perbualan bersemuka, surat-menyurat, atau panggilan telefon. Medium ini sangat mempengaruhi sifat dan kualiti hubungan sosial serta boleh mempromosikan integrasi sosial





Budaya, bahasa, norma, nilai, dan simbol, berfungsi sebagai medium di mana individu mentafsir dan mengemudi dunia sosial mereka. Menurut Syintya Mardian et al (2024), peranan budaya dalam membentuk norma dan nilai sosial dapat dilihat melalui proses sosialisasi, di mana individu dapat belajar dan menghayati nilai serta norma melalui interaksi dengan keluarga, sekolah, rakan sebaya, dan media. Melalui pengalaman sosial ini, individu memperoleh pemahaman tentang tingkah laku yang diterima dan diharapkan dalam masyarakat. Norma dan nilai adat memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian sosial dan mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat. Jelaslah bahawa budaya bertindak sebagai medium yang berkesan dalam membentuk cara masyarakat melihat dan berhubung dengan dunia. luar.

Di samping itu, medium bukan sekadar saluran pasif, tetapi juga agen aktif dalam pembentukan persepsi dan realiti sosial. Di mana, medium turut berperanan dalam membentuk cara dan pemahaman masyarakat terhadap dunia sosial yang dinamik. Menurut Achmad (2023), media massa merupakan antara medium yang dapat membentuk pandangan dan mempengaruhi cara pandang masyarakat terhadap belbagai isu dan peristiwa. Media massa berupaya mbingkai naratif dan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap isu-isu sosial. Manakala, teknologi digital dapat mengubah cara masyarakat yang mempunyai perbezaan dari pelbagai aspek, berinteraksi antara satu sama lain seterusnya mewujudkan realiti sosial yang baharu.

Seterusnya, perkembangan teknologi internet telah mencipta ruang maya yang memenuhi pebagai keperluan masyarakat, seperti interaksi sosial, pertukaran maklumat, dan pembentukan identiti dalam dunia siber. Perubahan dalam media juga melahirkan perubahan gaya hidup seperti perbelanjaan, aktiviti perbankan dan





bimbingan rohani mereka yang dapat dilakukan dilakukan dalam talian (Puspianto, 2023). Dengan itu, perubahan dalam medium teknologi internet telah menghasilkan lebih banyak pilihan hidup, kemudahan akses kepada barangan, serta perkhidmatan yang lebih berpatutan. Secara tidak langsung membawa kepada peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.

Menurut. Yasmin, Ireena dan Ribka (2023), di era globalisasi ini, akses belia terhadap teknologi hiburan semakin meluas dan penggunaan internet semakin tinggi. Pengaruh budaya dunia maya semakin mendalam di kalangan generasi belia, yang turut membentuk cara mereka berinteraksi dengan masyarakat. Dalam konteks ini, kesepaduan sosial menjadi faktor utama dalam mengukuhkan peranan belia sebagai agen perubahan di Malaysia. Media sebagai medium integrasi, memainkan peranan penting dalam menyatukan pelbagai lapisan masyarakat. Melalui pengisian media dan komunikasi yang efektif, keberhasilan usaha untuk mencapai keharmonian sosial dapat dinilai. Justeru, penggunaan media sebagai medium integrasi nasional dalam memupuk kesepaduan sosial, adalah kunci kepada masa depan yang lebih harmonis dan sejahtera.

Oleh yang demikian, menurut kajian ini, medium merupakan saluran yang aktif dalam membentuk persepsi dan realiti sosial. Ia bukan sahaja menyampaikan nilai budaya, tetapi juga memainkan peranan dalam mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap isu-isu sosial. Medium seperti media massa dan teknologi digital memberikan peluang kepada masyarakat untuk berinteraksi, berkongsi maklumat, dan membentuk identiti dalam ruang maya, yang seterusnya mencipta perubahan gaya hidup dan meningkatkan kualiti hidup. Dengan penggunaan medium yang tepat, matlamat utama untuk menyatukan masyarakat dan memupuk kesepaduan sosial dapat dicapai.





1.8.4 Latar Belakang Kejiranan

Konsep kejiranan mungkin akan berubah seiring dengan keperluan semasa namun secara ringkasnya, jiran merupakan individu yang mendiami di kawasan perumahan yang berdekatan antara satu sama lain sama ada di kawasan di bandar atau luar bandar. Konsep kejiranan ini merupakan fenomena yang telah menjadi tumpuan sejak sekian lama lagi terutama dalam bidang sosiologi. Kejiranan yang baik menyumbang kepada kesejahteraan sosial masyarakat. Masyarakat merupakan asas utama dalam pembentukan sesebuah negara kerana pada dasarnya, kewujudan sesebuah negara adalah kerana adanya masyarakat yang mendiami kawasan tersebut. Kejiranan bukan hanya sekadar kawasan geografi semata-mata, malah ianya adalah entiti dinamik yang dibentuk oleh pelbagai faktor sosial, ekonomi dan persekitaran sehingga memberikan impak kepada kehidupan seharian masyarakat setempat dan kesejahteraan negara.



Menurut Mohd Syariefudin, Mohd Mahadee & Mansor (2016), jiran merupakan komuniti yang menetap berhampiran kawasan kediaman atau dengan kata lainnya jiran didefinisikan sebagai individu yang tinggal bersempadan antara satu sama lain sama ada di kawasan yang kecil seperti kampung, mukim atau kawasan besar seperti bandar. Dengan ini, secara ringkasnya, jiran merupakan individu yang paling hampir antara satu sama lain dan saling memerlukan. Konsep kejiranan telah berkembang dari semasa ke semasa. Dalam tamadun terdahulu, kawasan kejiranan terbentuk di sekitar sumber utama seperti sungai dan laluan perdagangan. Kawasan kejiranan awal ini mengamalkan ekomoni sara diri yang dijalankan bagi kegunaan sendiri dan keluarga yang terdiri daripada pertanian, perikanan, mencari hasil hutan, penternakan, memburu binatang dan pertukangan. Manakala, semasa zaman pertengahan, kawasan kejiranan





menjadi lebih tersusun dengan kewujudan kawasan bandar dan membentuk struktur sosial yang lebih baik.

Oleh yang demikian, semangat perpaduan ini bukan sahaja menguatkan struktur sosial tetapi juga meningkatkan daya tahan keseluruhan masyarakat dalam menghadapi sebarang kesukaran atau cabaran terutama dalam perubahan era globalisasi. Era globalisasi ini menyebabkan berlakunya perubahan pesat dalam pelbagai bidang kehidupan iaitu ekonomi, teknologi, dan masyarakat. Seiring dengan perubahan ini masyarakat mesti sentiasa bersedia dan berdaya tahan untuk menyesuaikan diri. Daya tahan masyarakat yang lebih kuat dapat dibentuk melalui usaha sama antara masyarakat, kerajaan dan KRT. Sekiranya masyarakat dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ini, maka mereka berpotensi untuk mengatasi cabaran yang bakal timbul dengan efektif melalui pelbagai inisiatif yang telah disediakan. Inisiatif ini merangkumi aktiviti dan program seperti pembangunan infrastruktur, pembangunan kemahiran dan kempen kesedaran komuniti yang secara tidak langsung menjadi platform untuk masyarakat bekerjasama dan menguatkan lagi ikatan sosial.

Selain itu, aktiviti yang dianjurkan oleh KRT seperti gotong-royong, sambutan kemerdekaan dan festival kebudayaan dapat merapatkan lagi jurang sosial antara masyarakat. meningkatkan persefahaman terhadap perbezaan yang dimiliki serta menanamkan semangat patriotisme dalam diri setiap individu. Manfaat yang diterima melalui pelaksanaan aktiviti ini akan menjadi pemangkin kepada masyarakat untuk menghadapi cabaran globalisasi. Antara cabaran yang terpaksa dihadapi adalah seperti perubahan iklim dan pemandaran yang disebabkan oleh proses kelestarian kejiranan. Hakikatnya kelestarian kejiranan adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang





lebih baik dan kondusif. Proses kelestarian kejiranan adalah penting bagi mewujudkan persekitaran kondusif yang memenuhi keperluan penduduk. Walaubagaimanapun, sebarang perancangan yang dijalankan seharusnya menitikberatkan kesan gangguan kepada alam sekitar dan aktiviti sosial masyarakat setempat.

Dalam usaha merealisasikan kejiranan mampan, adalah menjadi keutamaan untuk meneliti isu dan cabaran yang dihadapi. Antara isu yang dikenal pasti adalah isu persekitaran fizikal dan isu ekonomi. Isu persekitaran fizikal disebabkan oleh kebimbangan keselamatan dalam kawasan kejiranan, seperti kadar jenayah yang tinggi, boleh menyebabkan rasa tidak selamat dalam kalangan penduduk. Di samping itu, individu di kawasan kejiranan berpendapatan rendah terdedah kepada pelbagai tekanan seperti pembuangan sampah, vandalisme, pencemaran, bunyi bising, dan jenayah, yang menjejaskan kesejahteraan sosial dan ekonomi mereka. Bagi cabaran yang dihadapi masyarakat dalam kejiranan mampan pula, ianya merangkumi cabaran profesional, ekonomi dan sikap masyarakat itu sendiri. Cabaran professional berlaku disebabkan oleh penstrukturan perancangan bandar dan kawasan kejiranan yang lemah. Cabaran ekonomi pula disebabkan oleh kos tinggi yang membatasi pelaksanaan projek-projek perumahan yang mampan. Kekurangan pengetahuan dan pemahaman terhadap kejiranan mampan juga merupakan antara cabaran yang dihadapi. Justeru adalah penting untuk mengkaji pelbagai isu dan cabaran berkaitan kawasan kejiranan yang mampan kerana ianya sangat penting untuk perancangan jangka panjang untuk memberi manfaat kepada generasi akan datang (Catherine dan Ubong, 2023).

Revolusi perindustrian merupakan perubahan yang berlaku yang telah memberi kesan kepada struktur kawasan kejiranan. Revolusi ini menyebabkan pembentukan





kawasan kejiranan yang pelbagai dan kepadatan penduduk yang lebih banyak. Apabila kepadatan penduduk setempat meningkat, sistem keselamatan dalam kejiranan perlu dipertingkatkan. Secara tidak langsung wujudnya persaingan dalam menempatkan diri dalam sektor perindustrian yang telah tersedia. Oleh itu perubahan yang dialami ini telah memberikan kesan kepada kawasan kejiranan iaitu menyebabkan kemunculan jurang sosioekonomi yang lebih besar antara penduduk. Dalam era moden ini, kawasan kejiranan telah menjadi lebih kompleks dan pelbagai yang mencerminkan perubahan masyarakat yang lebih luas disebabkan oleh beberapa faktor iaitu globalisasi, migrasi, dan kemajuan teknologi.

Pada masa kini, kawasan kejiranan berbeza secara meluas dari segi demografi, status sosioekonomi, latar belakang budaya dan persekitaran. Perbandaran yang pesat membawa kepada pembangunan kawasan kejiranan yang lebih padat dengan penduduk yang pelbagai. Oleh itu, semangat kejiranan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat perlu dipupuk bagi membendung sebarang perkara yang boleh mencetuskan persengketaan antara etnik. Perpaduan dan keharmonian mesti diterapkan dalam diri setiap warganegara terutama generasi muda dari pelbagai etnik melalui interaksi sosial supaya dapat menjalinkan persahabatan serta persefahaman antara satu sama lain demi masa depan negara (Thye, 2017).

Justeru, perpaduan dalam kawasan kejiranan adalah amat penting untuk kesejahteraan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat. Melalui penglibatan komuniti, kawasan kejiranan boleh menjadi ruang untuk berinteraksi, bekerjasama dan bersatu supaya penduduk dapat berkembang maju. Apabila masyarakat terus berkembang, kepentingan perpaduan kejiranan turut akan berkembang. Dengan mengutamakan





perpaduan dan bekerjasama secara kolaboratif, masyarakat boleh mewujudkan kawasan kejiranan yang bukan sahaja menyokong kesejahteraan penduduk malah dapat menyumbang kepada interaksi sosial yang lebih luas dalam persekitaran masyarakat.

1.8.5 Rukun Tetangga

Bagi mencapai matlamat negara usaha sama daripada semua pihak seperti badan kerajaan amat diperlukan. Bagi aspek perpaduan antara organisasi yang terlibat adalah Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Penglibatan pelbagai etnik sama ada dalam organisasi mahupun penglibatan sebagai ahli, amat penting supaya tiada unsur berat sebelah berlaku dan kesejahteraan antara masyarakat sentiasa terjalin. Oleh itu, untuk mencapai aspirasi negara penjelasan dan definisi KRT perlu diberikan keutamaan.



Dari segi latar belakang sejarah, Rukun Tetangga ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) dalam Ordinan Darurat 1969. Rukun Tetangga dimulakan dengan panggilan Skim Rukun Tetangga yang telah dilancarkan pada 29 Ogos 1975 oleh iaitu Tun Abdul Razak yang merupakan Perdana Menteri pada masa itu. Tujuan awal penubuhannya adalah untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan-kawasan tertentu berikutan kejadian-kejadian yang menggugat perpaduan nasional pada ketika itu. Apabila menjelang 1980-an, pindaan telah dibuat kepada Peraturan-Peraturan Perlu (RT) 1975. (JPNIN, 2021).

Rukun Tetangga telah berusia hampir 50 tahun dan telah mengalami beberapa transformasi seiring dengan perubahan zaman dan keperluan semasa. Konsep kejiranan





yang menjadi fokus kepada KRT pada sekitar tahun 1980-an, apabila keadaan kawasan kejiranan menjadi semakin selamat, stabil dan bertambah baik (How, Mohd Sobhi, Pue & Mansor, 2021). Pada tahun 2012 pula, fungsi dan peranan KRT telah dialihkan kepada peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti (KPN, 2021).

Menurut Mohd Syariefudin et al., (2020) pula, kini Rukun Tetangga berperanan sebagai jentera perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbeza dalam pelbagai aspek kehidupan seperti latar belakang sejarah, bahasa, budaya dan agama. Rukun Tetangga lebih berkonsepkan perpaduan dan kepimpinan berbanding peranannya yang terdahulu yang hanya berkosepkan keselamatan dan kejiranan. Namun begitu, konsep kejiranan masih menjadi teras kepada KRT kerana selaras dengan matlamatnya iaitu mengutamakan perpaduan dan semangat kejiranan. Oleh itu, dalam kajian ini hubungan pelbagai etnik adalah menjadi keutamaan dalam penduduk hidup berjiran dan pelaksanaan aktiviti KRT

Pengkaji dapat merumuskan bahawa KRT merupakan agen perpaduan yang amat diperlukan kerana organisasi ini adalah paling dekat dengan masyarakat dari segi kepimpinannya dan pelaksanaan aktiviti. Penyertaan semua golongan umur, jantina dan etnik dalam aktiviti dan organisasi KRT dapat meningkatkan semangat kerjasama. Setiap anggota masyarakat yang terlibat memperoleh manfaat dari segi kewangan, kesihatan serta kebajikan. Penglibatan masyarakat melalui organisasi KRT ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan niali kebersamaan.





1.8.6 Konsep Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

Bagi mencapai matlamat negara usaha sama daripada semua pihak seperti badan kerajaan amat diperlukan. Bagi aspek perpaduan antara organisasi yang terlibat adalah Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Penglibatan pelbagai etnik sama ada dalam organisasi mahupun penglibatan sebagai ahli, amat penting supaya tiada unsur berat sebelah berlaku dan kesejahteraan antara masyarakat sentiasa terjalin. Oleh itu, untuk mencapai aspirasi negara penjelasan dan definisi KRT perlu diberikan keutamaan.

Dari segi latar belakang sejarah, Rukun Tetangga ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) dalam Ordinan Darurat 1969. Rukun Tetangga dimulakan dengan panggilan Skim Rukun Tetangga yang telah dilancarkan pada 29 Ogos 1975 oleh iaitu Tun Abdul Razak yang merupakan Perdana Menteri pada masa itu. Tujuan awal penubuhannya adalah untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan-kawasan tertentu berikutan kejadian-kejadian yang menggugat perpaduan nasional pada ketika itu. Apabila menjelang 1980-an, pindaan telah dibuat kepada Peraturan-Peraturan Perlu (RT) 1975. (JPNIN, 2021).

Rukun Tetangga telah berusia hampir 50 tahun dan telah mengalami beberapa transformasi seiring dengan perubahan zaman dan keperluan semasa. Konsep kejiranan yang menjadi fokus kepada KRT pada sekitar tahun 1980-an, apabila keadaan kawasan kejiranan menjadi semakin selamat, stabil dan bertambah baik (How, Mohd Sobhi, Pue & Mansor, 2021). Pada tahun 2012 pula, fungsi dan peranan KRT telah dialihkan kepada peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti (KPN, 2021).





Menurut Mohd Syariefudin et al., (2020) pula, kini Rukun Tetangga berperanan sebagai jentera perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbeza dalam pelbagai aspek kehidupan seperti latar belakang sejarah, bahasa, budaya dan agama. Rukun Tetangga lebih berkonsepkan perpaduan dan kepimpinan berbanding peranannya yang terdahulu yang hanya berkosepkan keselamatan dan kejiranan. Namun begitu, konsep kejiranan masih menjadi teras kepada KRT kerana selaras dengan matlamatnya iaitu mengutamakan perpaduan dan semangat kejiranan. Oleh itu, dalam kajian ini hubungan pelbagai etnik adalah menjadi keutamaan dalam penduduk hidup berjiran dan pelaksanaan aktiviti KRT

Pengkaji dapat merumuskan bahawa KRT merupakan agen perpaduan yang amat diperlukan kerana organisasi ini adalah paling dekat dengan masyarakat dari segi kepimpinannya dan pelaksanaan aktiviti. Penyertaan semua golongan umur, jantina dan etnik dalam aktiviti dan organisasi KRT dapat meningkatkan semangat kerjasama. Setiap anggota masyarakat yang terlibat memperoleh manfaat dari segi kewangan, kesihatan serta kebajikan. Penglibatan masyarakat melalui organisasi KRT ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan nilai kebersamaan.

1.9 Organisasi Bab

Organisasi bab dalam kajian ini berdasarkan struktur umum yang melibatkan beberapa bahagian utama yang menjelaskan ringkasan perbincangan di setiap bab yang ada dalam kajian ini. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab yang terdiri daripada pengenalan, tinjauan literatur, metodologi kajian, dapatan kajian, perbincangan,





implikasi dan cadangan. Semua bab dihuraikan berdasarkan subtopik yang tertentu sebagai penguat kepada penulisan.

Bab 1 merupakan pengenalan awal tentang kajian yang dilakukan dan merupakan tulang belakang kepada keseluruhan kajian. Beberapa subtopik telah dipecahkan dalam kajian ini yang akan memandu keseluruhan kajian bagi memastikan kajian dapat dijalankan dengan teliti. Subtopik ini memberikan penjelasan yang mendalam mengenai teori dan konsep yang digunakan dalam kajian ini seperti teori pilihan rasional, etnik, perpaduan, kesepaduan sosial dan rukun tetangga. Subtopik yang terkandung dalam bab ini meliputi pendahuluan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, serta kerangka konseptual dan organisasi bab. Setiap dari subtopik tersebut dihuraikan berdasarkan kepentingan kepada kekuatan kajian. Justeru, setiap subtopik boleh diibaratkan sebagai berperanan dalam memastikan kajian tidak tersasar daripada objektif yang ditetapkan.

Bab 2 merupakan kajian literatur atau kajian lepas iaitu hasil kajian sarjana-sarjana terdahulu yang berkaitan dengan kajian. Bab 2 ibarat penyokong kepada bab 1 yang menceritakan secara menyeluruh mengenai hal-hal berkaitan Rukun Tetangga dan masyarakat kepelbagaian etnik di negara ini khususnya di Tanjong Malim. Dalam bab ini juga turut menjelaskan secara lebih terperinci mengenai konsep definisi masyarakat majmuk, perpaduan dan kesepaduan sosial yang diguna pakai dalam kajian ini. Setiap kajian yang dirujuk adalah bertujuan untuk memperkukuhkan dan memperkuat lagi pengetahuan dan pemahaman pengkaji terhadap kajian yang dilakukan. Oleh itu, bab 2





ini amat penting dalam kajian ini kerana ianya merupakan asas kepada pembentukan kajian ini.

Seterusnya, Bab 3 menghuraikan berkaitan dengan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini dengan lebih terperinci dan teliti. Metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang diambil bagi memenuhi matlamat kajian. Oleh yang demikian, metodologi yang dipilih berperanan untuk menentukan keberkesanan kajian dan kebolehpercayaan hasilnya. Konsep-konsep yang diukur dan dikaji akan diperjelaskan lagi dalam bab ini. Melalui bab 3 ini kajian dapat dijalankan secara teratur dan sistematik dengan pemilihan metodologi yang tepat. Bab 3 turut membincangkan tentang reka bentuk kajian, persampelan kajian, instrumen kajian yang digunakan, tatacara pengumpul data dan tatacara penganalisis data. Justeru, metodologi yang dipilih dalam kajian ini akan dapat mencapai objektif kajian dan menjadi sumber kepada hasil kajian yang berkualiti dan bermutu.

Bab 4 terdiri daripada hasil dapatan yang diperolehi sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Proses untuk menemui hasil dapatan bergantung kepada keadaan semasa pengkaji. kaedah yang dipilih pada bab 3 dan tahap keberkesanannya dapat diukur dalam bab ini. Huraian bagi hasil dapatan dipersembahkan dengan jelas dalam bentuk rajah dan jadual yang sesuai. Dalam bab ini, segala objektif dan persoalan kajian akan dijawab. Oleh itu, hasil dapatan kajian merupakan bab yang sangat penting dalam setiap kajian yang dilakukan oleh para pengkaji. Fakta dan pengetahuan baru dapat ditemui dan pemahaman terhadap sesuatu perkara dapat diperluaskan lagi. Hasil kajian ini juga akan membawa kepada pembangunan program-program atau dasar-dasar yang bertujuan untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.





Bab 5 merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Subtopik yang terkandung dalam kajian ini meliputi perbincangan, implikasi dan cadangan. Perbincangan yang dijelaskan dalam bab ini adalah kaitan dengan dapatan yang diperolah dalam bab 4. Melalui perbincangan ini, pandangan baru, cadangan penyelesaian terhadap isu yang dihadapi dapat dikemukakan terutama isu berkaitan pemupukan kesepaduan melalui KRT. Implikasi kajian juga turut membantu mamantapkan pengetahuan dalam bidang yang dikaji. Penulisan dalam bab ini akan merumuskan peranan KRT melalui aktiviti yang dijalankan, tindakan semua organisasi untuk memainkan peranan dalam pemupukan kesepaduan masyarakat serta mencadangkan kajian lanjut untuk penyelidikan pada masa akan datang. Dengan merumuskan kesimpulan dan perbincangan hasil, pengkaji berpeluang untuk menyumbang kepada bidang sains sosial.



1.10 Rumusan

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh KRT dalam memupuk kesepaduan serta cabaran dan halangan yang dihadapi dalam mencapai matlamat tersebut. Kesepaduan merupakan aspek yang utama bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik. Manakala KRT pula merupakan organisasi yang bertanggungjawab bagi memastikan perpaduan antara etnik terbentuk dan kekal terjalin. Ukhwah yang dibina dalam kalangan masyarakat yang pelbagai dapat mewujudkan suasana yang aman dan harmoni. Apabila komuniti bersatu mengikut nilai dan matlamat yang sama, ia mewujudkan rasa kekitaan dan saling





bergantung. Mereka akan membantu antara satu sama lain dan dapat membangunkan sistem sokongan yang kuat.

Di samping itu, aktiviti yang dilakukan oleh KRT dapat memberikan pendedahan kepada budaya dan gaya hidup yang berbeza. Hal ini akan membantu mengurangkan stereotaip dan prasangka. Apabila mereka saling memahami dan menghormati perbezaan antara satu sama lain, ia membawa kepada toleransi dan penerimaan yang lebih baik. Komuniti yang mengutamakan ukhwah mampu menyelesaikan sebarang konflik dengan aman melalui komunikasi terbuka tanpa menggunakan keganasan. Oleh itu, apabila semua anggota masyarakat yang pelbagai terlibat secara aktif dalam membina ukhwah, mereka mewujudkan persekitaran yang aman dan harmoni serta yang memberikan manfaat kepada semua yang terlibat



Secara ringkasnya, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan dan menjawab persoalan melalui metodologi yang sesuai. Dapatan kajian dapat meningkatkan pemahaman mengenai ruang ilmu yang berkaitan dan memberikan pandangan baharu yang boleh membawa kepada pemahaman yang lebih komprehensif terhadap bidang yang dikaji. Dengan meneliti dan menganalisis dapatan dengan mendalam, pengkaji dapat mengenal pasti trend sebelum ini dan boleh menyerlahkan hala tuju penyelidikan yang berpotensi. Secara rangkumannya kajian ini menfokuskan kepada penerapan kesepaduan etnik melalui aktiviti KRT yang berlandaskan prinsip Rukun Negara di Tanjong Malim, Perak.

